

Headline	Nama Abd. Latif diabadikan sebagai nama pokok		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	442 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,736
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,207



## Nama Abd. Latif diabadikan sebagai nama pokok

**K**ETUA Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd Latif Mohmod sekali lagi mencatat sejarah apabila nama beliau diabadikan sempena satu spesies pokok baharu yang ditemukan di negeri Terengganu.

Menurut Pegawai Penyelidik Kanan FRIM, **Dr. Richard Chung**, *Brownlowia latifiana* atau dungun latif daripada famili Malvaceae-Brownlowioideae ditemukan ketika ekspedisi botani penyelidik FRIM ke Hutan Simpan Jerangau, Terengganu pada 2009.

Katanya, spesies pokok itu dinamakan sempena Abd. Latif sebagai penghargaan terhadap sumbangan beliau dalam mendapatkan dana sebanyak RM7.6 juta untuk Projek Melindungi Kepelbagaian Hutan Tumbuhan Semenanjung Malaysia' di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

"Inisiatif serta usaha Abd. Latif juga telah membolehkan FRIM menjadi satu-satunya institusi penyelidikan perhutanan yang mempunyai hak milik ke atas tanah kampus seluas 544.3 hektar (ha) daripada Kerajaan Negeri Selangor pada 2007," ujarnya.

Beliau turut menjadi perintis kepada usaha mendapatkan pengiktirafan untuk FRIM sebagai Tapak Warisan Semula Jadi pada 2009 dan Warisan Kebangsaan (2012).

Pengumuman penamaan spesies menjadi lebih bermakna dengan ulang tahun ke-10 pelantikan



**ABD. LATIF MOHMOD** menunjukkan anak pokok dungun latif yang dinamakan sempena nama beliau.

beliau sebagai ketua pengarah dan genap 33 perkhidmatan beliau di FRIM serta 33 tahun tertubuhnya FRIM sebagai badan berkanun pada tahun ini.

FRIM menjalankan usaha menyelamatkan spesies tumbuhan daripada ancaman kepupusan melalui penubuhan kawasan pemuliharaan secara in situ di habitat asal tumbuhan atau ex situ yang melibatkan pemuliharaan sebahagian kecil germplasma di kawasan seperti taman botani dan arboretum.

Spesies-spesies baharu yang ditemui dinamakan sempena para penyelidik dan orang kenamaan yang telah

banyak menyumbang kepada pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti sebagai satu usaha memperkenalkan spesies berkenaan kepada masyarakat sekali gus meningkatkan kesedaran akan kepentingan usaha pemuliharaan spesies serta habitat terutama bagi spesies terancam.

Pokok tersebut ditemukan tumbuh kira-kira 90 meter di atas aras laut, di atas tanah liat berpasir dan aluvium di kawasan beralun serta tepi sungai dipterokarp di hutan tanah pamah. Sebanyak 13 anak pokok dungun latif berjaya ditanam sepanjang Sg. Kroh, FRIM.

Pokok ini hanya ditemukan di Hutan Simpan Jerangau di Sungai Jerangau di Dungun. Kedua-dua kawasan ini terletak di luar Kawasan Perlindungan Sepenuhnya (TPA).

Pokok ini ditemukan tumbuh kira-kira 90 meter di atas aras laut, di atas tanah liat berpasir dan aluvium di kawasan beralun serta tepi sungai di hutan dipterokarpa tanah pamah.

Kompatmen 95 HS Jerangau diklasifikasikan sebagai hutan pengeluaran yang pernah dibalok pada 1996 manakala Kuala Sungai Jerangau dikelilingi oleh perladangan pokok getah.

Dungun latif ialah pokok renek yang boleh mencapai ketinggian 15 meter.

Spesies ini endemik kepada Semenanjung Malaysia dan disenaraikan sebagai amat terancam (critically endangered).